



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

IMPROVISASI SOLO BES ELEKTRIK DALAM KARYA “*MELODIE in Eb*” CIPTAAN TCHAIKOVSKY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHD SHAHRI BIN RAMLI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

IMPROVISASI SOLO BES ELEKTRIK DALAM KARYA “*MELODIE in Eb*” CIPTAAN
TCHAIKOVSKY

MOHD SHAHRI BIN RAMLI

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

UP5MPS-350 32
Pind : 00 mib: 1/1

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

7

INSTITUT PENGAPIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11 (hari bulan) JUN (bulan) 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, Mohd Shahri Bin Ramli (P20201000708) FMSP (SILA
 NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
 disertasi/tesis yang bertajuk IMPROVISASI SOLO BES ELEKTRIK DALAM KARYA
"MELODIE IN Eb" Ciptaan TCHAIKOVSKY

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandung hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandung hak cipta telah dinyatakan dengan selasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Kanorulzaman Bin Mokomed Karim (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Improvisasi Solo Bess Elektrik
Dalam Karya "Melodie in Eb" ciptaan Tchaikovsky

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah Persembahan Muzik (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

3/7/24

Tarikh

[Signature]

Tandatangan Penyelia

DR. KAMARUZAMAN BIN MOHAMMAD KARIM
Pensyarah USST
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

UPSI/IPS-3/RO 31
Pind: 01 m/s/1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: IMPROVISASI SOLO BES ELEKTRIK DALAM KARYA "MELODIE IN Eb" CIPTAAN TCHAIKOVSKY

No. Matrik / Matric's No.: P20201000708

Saya / I: MOHD SHAHRI BIN RAMLI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Serjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penjawat / Signature of Supervisor) & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 29/6/2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali-sekala dan tempoh laporan ini perlu dilekaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Prof Madya Dr Kamarulzaman Bin Mohamed Karim selaku penyelia saya kerana membimbing dan memberi panduan kepada saya sepanjang menyiapkan kertas projek ini. Ribuan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan serta Institut Pengajian Siswazah, UPSI yang banyak membantu. Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas penaja pengajian. Terima kasih tidak terhingga juga diucapkan kepada ahli keluarga terutama ibu bapa saya kerana banyak membantu dan memahami saya sepanjang menyiapkan tugas ini, syukur alhamdulillah.



ABSTRAK

Karya *Melodie in Eb* merupakan sebuah komposisi ciptaan dari seorang komposer zaman Romantik yang terkenal iaitu Tchaikovsky. Karya ini dipercayai memiliki sesuatu pendekatan yang mendalam, bersistem dan beremosi dalam memastikan penghasilannya berkesan di telinga, mata dan jiwa pendengar. Metodologi yang digunakan untuk persembahan ini ada dua proses artistik iaitu kritikal dan intuitif. Pada bahagian artistik kritikal, aktiviti yang dijalankan merupakan analisis dan pemerhatian manakala bahagian artistik intuitif lebih kepada pemikiran dan pementasan persembahan secara menyeluruh khususnya tahap kebolehan memainkan alat muzik bes elektrik, idea repertoire persembahan dan cara mempersembahkan. Objektif penulisan ini adalah 1) Mempersembahkan improvisasi solo menggunakan bes elektrik pada karya bertajuk "*Melodie in Eb*" ciptaan Tchaikovsky, dan 2) menghasilkan idea muzikal improvisasi solo bes elektrik dengan memberi penekanan terhadap aspek emosi muzikal melalui pendekatan artistik tertentu. Penulisan ini akan menjawab persoalan kajian dan menerangkan secara teliti bagaimana proses artistik tersebut di kolaborasi dalam membentuk sebuah persembahan resital. Konsep persembahan ialah berkonsep improvisasi solo bes elektrik dengan menggunakan pendekatan psikomotor dan kognitif iaitu fokus ke arah proses pementasan kemahiran mempersembahkan dan penyelidikan hubungan improvisasi bes elektrik, idea muzikal dan aspek emosi. Beberapa signifikan yang terhasil melalui persembahan ini antaranya persembahan improvisasi solo menggunakan alat muzik moden iaitu bes elektrik melalui komposisi melodi komposer tersohor iaitu Tchaikovsky dengan karya yang berjudul "*Melodie in Eb*" dipersembahkan, sebuah persembahan improvisasi solo menggunakan bes elektrik pada karya ciptaan Tchaikovsky yang berjudul "*Melodie in Eb*" memberi idea muzikal dengan aspek emosi dalam persembahan dan pencetusan emosi pemain bes melalui idea muzikal improvisasi solo bes pada repertoire sampingan yang mencabar.



ELECTRIC BASS SOLO IMPROVISATION IN TCHAIKOVSKY'S "MELODIE IN Eb"

ABSTRACT

Melodie in Eb is a composition created by a famous Romantic era composer, Tchaikovsky. This work is believed to have a deep, systematic and emotional approach in ensuring that its production is effective in the ears, eyes and soul of the listener. The methodology used for this performance has two artistic processes which are critical and intuitive. In the critical artistic part, the activities carried out are analysis and observation, while the intuitive artistic part is more about thinking and solidifying the performance as a whole, especially the level of ability to play the electric bass musical instrument, the idea of the performance repertoire and how to perform. The objective of this writing is 1) To present a solo improvisation using the electric bass on the work titled "Melodie in Eb" created by Tchaikovsky, and 2) to produce a musical idea of an electric bass solo improvisation by emphasizing the emotional aspect of the music through a certain artistic approach. This writing will answer the research question and explain carefully how the artistic process collaborates in forming a recital performance. The concept of the performance is the concept of electric bass solo improvisation using a psychomotor and cognitive approach which focuses on the process of strengthening performing skills and researching the relationship between electric bass improvisation, musical ideas and emotional aspects. Some of the significant results from this performance include a solo improvisational performance using a modern musical instrument, the electric bass, through a melodic composition by the famous composer Tchaikovsky with a work titled "Melodie in Eb" presented, a solo improvisational performance using an electric bass on a work created by Tchaikovsky entitled " Melodie in Eb" gives musical ideas with emotional aspects in the performance and emotional triggering of the bass player through the musical idea of solo bass improvisation on a challenging side repertoire.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI NOTASI	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Inspirasi / Motivasi	1
1.2	Penyataan Masalah Persembahan	5
1.3	Objektif Persembahan	7
1.4	Persoalan Persembahan	7
1.5	Justifikasi dan Batasan Persembahan Resital	8
1.5.1	Justifikasi Persembahan Resital	8
1.7	Batasan Persembahan	13
1.8	Signifikan Persembahan Program Resital	13

BAB 2 KAJIAN LITERATUR DAN KARYA PERSEMBAHAN

2.1	Kajian Literatur	16
2.1.1	Sejarah Komposer, Asas dan Idea Muzikal	16
2.1.2	Karya "Melodie in Eb" Ciptaan Tchaikovsky	18





2.1.3	Improvisasi Solo	19
2.1.4	Improvisasi Solo Bes Elektrik	21
2.1.5	Proses Artistik, Kognitif dan Psikomotor	22
2.1.6	Model Proses Artistik Kritikal dan Intuitif	24
2.1.7	Aplikasi Kaedah dan Analisis	26
2.1.8	Frasa, <i>Licks</i> dan Skel	26
2.1.9	Corak Penjarian (Pattern) dan Susun Atur	28
2.1.10	Teknik dan Kreativiti	30
2.1.11	Artikulasi dan Ekspresi	32
2.1.12	Idea Muzikal	32
2.1.13	Perkaitan Emosi Muzikal	34
2.1.14	Istilah Ekspresi Muzikal	36
2.1.15	Keserasian	36
2.2	Kajian Karya Kreatif	39
2.2.1	Stuart Hum - Moonlight Sonata	39
2.2.2	John Patitucci – Suite no 1	40
2.2.3	Stanley Clarke Bass Improvising	42
2.2.4	Victor Wooten – <i>Classical Thumb / The Lesson</i>	43
2.2.5	Persembahan Jaco Pastorius- <i>Bass Solo</i>	45
2.2.6	Norman Abdullah – Jeritan Batinku <i>Bass Solo</i>	46
2.2.7	Halizor Hussien @Fly – <i>Bass Solo</i>	47
2.2.8	Zailan Razak <i>Bass Solo</i>	48
2.2.9	Hanafie Imam <i>Bass Solo</i>	49
2.3	Tinjauan Karya Repertoir <i>Melodie in Eb</i> dan Repertoir Sampingan	51
2.3.1	Persembahan Karya <i>Melodie in Eb</i> oleh Janine Jansen	51
2.3.2	Persembahan Karya <i>Melodie in Eb</i> oleh Heifetz	52



2.3.3	<i>Continuum</i> oleh Jaco Pastorius	52
2.3.4	<i>Actual Proof</i> oleh Herbie Hancock	53
2.3.5	<i>Giant Steps</i> oleh John Caltrane	54
2.3.6	<i>Havona</i> oleh <i>Wheather Report</i>	55

BAB 3 PROSES KREATIF ARTISTIK

3.0	Pendahuluan	58
3.1	Proses Artisik (Kritikal)	60
3.1.1	Analisis Repertoir <i>Melodie in Eb</i>	60
3.1.2	Analisis Improvisasi Solo Bes Elektrik Menghasilkan Emosi Muzikal	66
3.1.3	Observasi Video Persembahan Karya <i>Melodie</i>	69
3.1.4	Observasi Video Persembahan Improvisasi Solo Pemain Bes Elektrik Terkenal	74
3.1.5	Observasi Audio dan Video Persembahan Repertoir Sampingan	77
3.2	Proses Artistik (Intuitif)	83
3.2.1	Cara Persembahan	83
3.2.2	Proses Penghasilan	85
3.2.3	Melalui Repertoir Sampingan	91
3.3	Diskusi Persembahan Resital	93
3.3.1	Dapatan Melalui Repertoir Persembahan	93
3.3.2	Kesan Cara Mempersembahkan	112
3.3.3	Perihal Program Resital	116

BAB 4 KONSEP PERSEMBAHAN

4.0	Konsep Persembahan	118
4.1	Konsep Persembahan Improvisasi Solo Bes Elektrik	119

BAB 5 DESKRIPSI PERSEMBAHAN

5.0	Deskripsi Persembahan	124
5.1	Program Resital	128

	5.2	Buku Program Resital	129
BAB 6		KESIMPULAN	
	6.0	Kesimpulan	137
	6.1	Refleksi	140
	6.1.1	Alat Muzik Moden Bes Elektrik Berkesan Sebagai Medium Penyampai	140
	6.1.2	Idea Imajinasi Pendorong Improvisasi Solo	142
	6.1.3	Cara Mempersembahkan Faktor Kesenambungan Persembahan	143
	6.1.4	Estetika Improvisasi Bes Solo Beremosi Melalui Karya	146
	6.1.5	Proses Penghasilan Menjadi Kemurnian Improvisasi Solo Bes Beremosi	147
	6.1.6	Pemupukan Aktiviti Improvisasi Solo kepada Pemain Bes Elektrik	148
	6.2	Cadangan dan Penambahbaikan	149
RUJUKAN			153
GLOSARI			158

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
5.1 Program Resital Improvisasi Solo Bes dalam Karya Melodie in Eb Ciptaan Tchaikovsky	128



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Pemilihan karya " <i>Melodie in Eb</i> " Melalui 3 elemen penting secara Intuitif	4
2.1	Model Proses Artistik Kritikal dan Intuitif	24
3.1	Ilustrasi proses kreatif artistik persembahan improvisas solo bes elektrik menggunakan karya berjudul <i>Melodie</i> ciptaan Tchaikovsky	57
3.2	Teknik Pengolahan Berpandukan Konsep Idea Imaginasi	87
3.3	Penyelitan Teknik Permainan Melalui Kesesuaian Karakter Teknik Pengolahan	88
3.4	Dinamik dan Ekspresi Memerlukan Kesenambungan Konsep Idea Imaginasi dan Pengolahan	90
3.5	Perbezaan Repertoir Sampingan Memiliki Penghasilan Improvisasi Solo dan Emosi Muzikal	92
4.1	Ilustrasi konsep persembahan improvisasi solo bes elektrik berekspresi emosi muzikal menggunakan karya berjudul <i>Melodie</i> ciptaan Tchaikovsky dan repertoir sampingan	120
4.2	Carta alir proses persembahan improvisasi bes elektrik menggunakan karya <i>Melodie in Eb</i> dan repertoir sampingan dalam memberi penekanan aspek emosi muzikal	122
6.1	Susunan Repertoir Persembahan Resital	150





SENARAI FOTO

No. Foto	Muka Surat
2.1 Stuart Hum Memainkan <i>Moonlight Sonata</i>	39
2.2 John Patitucci Memainkan <i>Suite no 1</i>	40
2.3 Stanley Clarke Memainkan Improvisasi Solo Bes	42
2.4 Victor Wooten Memainkan <i>Classical Thumb</i>	43
2.5 Persembahan Jaco Pastorius	45
2.6 Norman Abdullah Memainkan Jeritan Batinku	46
2.7 Fly Memainkan Improvisasi Solo Bes	47
2.8 Zailan Razak Memainkan Improvisasi <i>Slap</i> Solo Bes	48
2.9 Hanafie Imam Memainkan Improvisasi Solo Bes	49
2.10 Janine Jansen memainkan karya <i>Melodie in Eb</i>	51
2.11 Jascha Heifetz mempersembahkan karya <i>Melodie in Eb</i>	52
2.12 Continuum oleh Jaco Pastorius	53
2.13 Video Persembahan Herbie Hancock	54
2.14 Gambar Video John Coltrane Untuk Repertoir <i>Giant Steps</i>	54
2.15 Gambar Album Wheeler Report Untuk Repertoir <i>Havona</i>	55
3.1 Janine Jansen memainkan karya <i>Melodie</i> diiringi oleh orkestra <i>Frankfurt Radio Symphony</i> pada tahun 2013	69
3.2 Jascha Heifetz mempersembahkan karya <i>Melodie</i> diiringi piano berbentuk rakam audio	72
3.3 Jaco Pastorius di satu konsert bersama Joni Mitchell	74
3.4 Persembahan solo bes Victor Wooten pada saluran youtube EMGtv	76
3.5 Audio Continuum oleh Jaco Pastorius Bersama Iringan	78
3.6 Video persembahan solo Jaco Pastorius Memainkan <i>Continuum</i>	79
3.7 Video Persembahan Herbie Hancock Bersama Kawan Memainkan repertoir <i>Actual Proof</i>	80



3.8	Gambar Video John Coltrane Untuk Repertoir <i>Giant Steps</i>	81
3.9	Gambar Album <i>Wheater Report</i> Untuk Repertoir <i>Havona</i>	82
3.10	Subjek Memainkan Melodie in Eb (Karya Asal) Secara Solo	95
3.11	Subjek Memulakan Improvisasi Melodie in Eb dengan Konsep Bebas	97
3.12	Subjek Memainkan Improvisasi Melodie in Eb dengan Konsep Drastik	98
3.13	Subjek Memainkan Improvisasi Melodie in Eb 2 dengan Konsep Drastik	100
3.14	Subjek Memainkan Improvisasi Melodie in Eb 2 dengan Konsep Tenang	101
3.15	Subjek Memainkan continuum dengan Konsep Tenang	103
3.16	Subjek Memainkan Repertoir Keserasian Giant Steps Secara Duo	105
3.17	Subjek Memainkan solo improvisasi Actual Proof dengan Konsep Drastik	107
3.18	Subjek Memainkan solo improvisasi Havona dengan Konsep Bebas	108
3.19	Subjek Memainkan solo 2 improvisasi Havona dengan Konsep Bebas	110
3.20	Subjek memainkan solo 2 improvisasi <i>Havona</i> dengan konsep Bebas	111



SENARAI NOTASI

No. Notasi		Muka Surat
1	Frasa Melodi Permulaan Karya <i>Melodie in Eb</i>	61
2	Frasa Melodi Bar 19 Sehingga Bar 25	62
3	Frasa Melodi Bar 33 Sehingga Bar 49	63
4	Eksprsi Dinamik dari Bar 12 Sehingga Bar 26	64
5	Ekspresi Dinamik dan Tempo dari Bar 57 Sehingga Bar 78	65
6	Pengolahan <i>Arpeggio</i> , teknik <i>Tapping/swepping</i> dan <i>Liberamente/</i> Bebas	66
7	Pengolahan Skel Kromatik, teknik <i>fast picking</i> dan <i>Dramatico/</i> Dramatik	67
8	Pengolahan <i>Reharmonized</i> , Teknik <i>Plucking/Tapping</i> dan <i>Triste/Sedih</i>	68
9	Geselan pertama (Up Bow) yang dimainkan oleh Janine Jansen	70
10	Satu peralihan permainan daripada mod mendayu ke mod aktif	70
11	Artikulasi trill dengan penuh penghayatan, penjiwaan dan perasaan beremosi	71
12	Heifetz memulakan permainan karya	72
13	Satu pengawalan tempo bersertakan pengawalan dinamik dan tempo	73
14	Gubahan artikulasi jeda nada not satu oktaf tinggi dari notasi asal	73
15	Pembukaan subjek memainkan repertoir Improvisasi <i>Melodie in Eb 1</i>	96
16	Subjek memainkan improvisasi <i>Melodie in Eb 1</i> dengan konsep Drastik dan pengolahan kromatik	98
17	Subjek memainkan improvisasi <i>Melodie in Eb 1</i> dengan konsep Drastik dan pengolahan skel <i>Blues</i>	100
18	Subjek memainkan improvisasi <i>Melodie in Eb 2</i> dengan melodi dengan konsep Tenang	101
19	Subjek memainkan solo improvisasi <i>Continuum</i> dengan konsep Tenang dengan pengolahan <i>sequence</i>	103
20	Subjek memainkan solo improvisasi <i>Actual Proof</i> dengan konsep Drastik	107



21	Subjek memainkan solo improvisasi <i>Actual Proof</i> dengan konsep Bebas	108
22	Subjek memainkan solo improvisasi <i>Havona</i> dengan konsep Bebas	109
23	Subjek memainkan solo 2 improvisasi <i>Havona</i> dengan konsep Bebas	111



SENARAI LAMPIRAN

- A Notasi Asal Karya *Melodie In Eb* Asal
- B Transkrip Notasi untuk Bes Elektrik
- C Ekspresi dan Teknik
- D Helaian Utama Repertoir Sampingan 1 (*Continuum*)
- E Helaian Utama Repertoir Sampingan 2 (*Giant Steps*)
- F Helaian Utama Repertoir Sampingan 3 (*Actual Proof*)
- G Helaian Utama Repertoir Sampingan 4 (*Havona*)



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Inspirasi dan Motivasi

Saya merupakan seorang pengajar bes elektrik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan telah mengajar selama 8 tahun. Selain itu, saya juga mengajar di beberapa IPTS dan sekolah muzik tidak formal di Sabah. Pengalaman saya dalam dunia muzik khususnya persembahan menggunakan bes elektrik bermula pada tahun 2007 dan bergerak secara profesional bermula pada tahun 2009 sehinggalah sekarang (15 tahun). Selama pengalaman dalam karier ini, pelbagai cerita, senario dan situasi yang saya telah jumpa dan hadapi. Melalui itu, timbul persoalan di minda saya sebagai seorang pengajar dan pemuzik yang bermain alat muzik bes elektrik iaitu perihal melakukan improvisasi solo bes elektrik dan ini menjadi satu isu dan kerisauan banyak pemain bes elektrik untuk mempersembahkannya. Selain itu, perihal emosi muzikal pada improvisasi solo bes elektrik yang sangat kurang disematkan menjadi penyebab solo itu kurang dijiwai. Ini memberi dua pertanyaan yang terus bermain di fikiran saya iaitu mengapakah mereka risau apabila diminta

untuk melakukan solo bes elektrik sama ada secara terancang mahupun spontan (improvisasi), dan mengapa aspek emosi muzikal kurang disematkan semasa melakukan persembahan improvisasi solo bes elektrik?.

Saya berpendapat mungkin faktor mereka kurang terdedah dengan permainan solo (improvisasi) dan mereka cuma melakukan lebih merujuk kepada permainan *Bassline*¹. Sering kali fungsi bes elektrik dikaitkan dengan pengawalan irama atau mengiringi. Dalam sesebuah persembahan bersama dram, alat muzik bes elektrik berfungsi sebagai tulang belakang dalam membentuk cita rasa sesebuah lagu (*groove*²) dan bertindak sebagai pelengkap harmoni bagi sebuah muzik. Fungsi ini dianggap penting khususnya oleh masyarakat di Malaysia sehinggakan ia seperti menjadi satu peranan mutlak bermain bes elektrik. Namun begitu bagi saya, sepertinya fungsi boleh dicorakkan menjadi lebih bersifat *virtuoso*³. Selain itu, faktor mereka tidak tahu apa yang perlu dibuat sekiranya mahu melakukan improvisasi solo juga menjadi penyebabnya. Sememangnya apabila kita ingin melakukan sesuatu, mesti tahu cara mengendalikan dan keperluannya. Saya berpendapat sekiranya mereka tahu, mungkin solo boleh dilakukan. Namun caranya bagaimana? Selain itu, faktor memiliki kekurangan dan kelemahan dalam perihal teknikal. Teknik merupakan perkara penting dalam memastikan penghasilan bunyi pada alat muzik khususnya bes elektrik kerana ia merupakan satu cara penghasilan yang telah dipastikan mengikut kesesuaian pada alat muzik. Bob Taylor pernah menyatakan di dalam buku beliau yang berjudul '*The Art of Improvisation*,' bahawa improvisasi solo memerlukan daya kecekapan teknik yang baik untuk menghasilkan kreativiti. Daripada petikan itu,

¹ *Bassline* adalah notasi terendah ataupun sebuah susunan notasi pada muzik. *Berklee Practise Method*, 2001.

² *Groove* bermaksud sebuah corak ritma, rasa, gerak hati semasa satu kitaran membawa kepada tarian atau hentakkan kaki. *Bass Guitar for Dummies*, 2003

³ *Virtuoso* bermaksud memiliki bakat dan kemahiran teknik yang tinggi. *Virtouso*, Riddhima Porwal, 2022.




saya berpendapat teknik itu memiliki daya dan ia boleh dipertingkatkan dengan cara tertentu seperti melatihnya sebaik mungkin.

Tajuk persembahan terkini adalah improvisasi solo bes elektrik dalam karya “*Melodie in Eb*” ciptaan Tchaikovsky. Sebagai seorang pemuzik dan juga kakitangan pendidik separuh masa di Universiti Malaysia Sabah (UMS), saya merasakan tajuk ini memiliki sesuatu yang mampu memberi perubahan yang baik khususnya kepada persembahan menggunakan bes elektrik. Komposisi *Melodie in Eb* Tchaikovsky merupakan satu pendekatan penghasilan idea muzikal dengan aspek emosi muzikal yang ingin dicetuskan oleh saya sendiri. Saya mempercayai sebuah komposisi daripada komposer tersohor ada memiliki sesuatu pendekatan yang mendalam, bersistem dan beremosi dalam memastikan penghasilannya berkesan di telinga, mata dan jiwa pendengar. Sehubungan dengan itu, pemilihan tajuk ini adalah bertujuan mengenal pasti sejauh mana keberkesanan komposisi melodi seorang komposer hebat dunia iaitu Tchaikovsky dengan karya beliau yang berjudul *Melodie in Eb* dalam membantu menjana idea muzikal dengan aspek emosi muzikal persembahan improvisasi solo bes elektrik.

Pendekatan ini merupakan pendekatan yang saya percaya ia memberi satu kaedah penjanaan ekspresi emosi muzikal dalam keberkesanan melakukan persembahan improvisasi solo bes elektrik. Emosi muzikal merupakan satu keperluan penjanaan melodi yang mampu memantapkan improvisasi solo bes yang memerlukan pemikiran yang automatik, respons segera. Melalui dua aktiviti iaitu kognitif dan reaksi, muzik memiliki satu siri proses serentak dan oleh itu ianya adalah medium yang ideal untuk mencerminkan aspek emosi yang lebih kognitif. (Jennifer, R. 2005). Selain itu, memberi satu cara bagaimana sebuah komposisi melodi komposer tersohor Tchaikovsky yang berjudul “*Melodie in Eb*” di rungkai dan



dipersembahkan menggunakan bes elektrik. Keperluan dari karya komposer tersohor dalam pemahaman kombinasi not dan jeda yang jarang didengari serta permainan kord khusus untuk alat muzik bes (Josquin, D, P .1997). Selain itu juga meningkatkan tahap pencetusan emosi pemain bes, sistem memori, pengawalan motor otak dan persembahan. (Dean, C. 2021)



Rajah 1.1. Pemilihan karya "Melodie in Eb" Melalui 3 elemen penting secara intuitif

Pemilihan karya adalah berdasarkan inspirasi dan motivasi saya, yang mana inspirasi itu melalui intuitif saya sebagai seorang pengamal alat muzik bes elektrik



menggemarkan melodi dari komposer tersohor iaitu Tchaikovsky dengan karya “*Melodie in Eb*” dipercayai oleh saya memiliki beberapa elemen penting yang mampu memberi daya pemahaman pengamal pemain bes dalam melakukan improvisasi solo bes yang beremosi.

Merujuk pada rajah 1.1, pemilihan karya “*Melodie in Eb*” disebabkan oleh 3 elemen penting yang saya fokuskan secara intuitif mampu memberikan hasil yang diperlukan dalam tesis ini. Elemen pertama adalah “Mendalam”. Ini merangkumi idea melodi, muzikal, berkaliber (kecekapan) dan ekspresi serta interpretasi. Elemen kedua adalah “Bersistem”. Ini merangkumi *Form*, Artikulasi & ornamentasi, tempo yang pelbagai, susun atur penjarian, Kord & skel serta kord skel. Elemen ketiga adalah “misteri”. Ini merangkumi emosi, jiwa dan rasa.



penjanaan idea muzikal dengan aspek emosi dalam persembahan improvisasi solo bes. Ini kerana improvisasi memerlukan idea, muzikal, kecekapan, ekspresi dan interpretasi yang mendalam. Improvisasi memerlukan sistem yang difahami dan mampu dipraktikkan. Selain itu, improvisasi memerlukan kemampuan menjiwai, merasa dan emosi (Bob, 2000). Melalui elemen itu juga, ia memberi perkaitan perhubungan keperluan antara karya, improvisasi solo dan bes elektrik.

1.2 Penyataan Masalah Persembahan

Antara penyataan masalah persembahan Karya “*Melodie in Eb*” yang belum pernah dipersembahkan dalam persembahan improvisasi solo alat muzik moden iaitu bes elektrik. Karya *Melodie in Eb* ciptaan Tchaikovsky khusus untuk alat muzik klasik





iaitu violin (Brown, 2010), karya ini belum pernah dipersembahkan secara improvisasi menggunakan sebarang alat muzik moden.

Selain itu, penekanan idea muzikal dengan aspek emosi muzikal dalam persembahan improvisasi solo bes elektrik yang kurang. Kebanyakan pemain bes lebih mengutamakan idea muzikal dengan perihai teknik berbanding penjiwaan ekspresi solo itu sendiri dan ini menampilkan sesuatu kelemahan bagi penghayatan persembahan improvisasi solo itu. Menurut Zailan Razak, penggunaan atau aplikasi emosilah yang paling penting dalam permainan solo dan improvisasi. Tanpa emosi, solo cumalah teknikal sahaja tanpa nyawa. Dengan menggunakan emosi, para pendengar juga akan dapat merasakan '*feel*' nya. Menurut Alf Gabrielson (1999), penonton atau pendengar akan lebih tertarik dan menghargai kepada pemuzik yang mampu memberi kesan ekspresi yang mendalam. Ekspresi muzik adalah sesuatu objektif kerana jika muzik itu kurang ekspresi, maka tiada ekspresi yang boleh di reaksi dan dihayati (Davies, S. 2005).

Selain itu, kerisauan banyak pemain bes untuk melakukan improvisasi solo. Menurut Halizor Hussien, improvisasi solo perkara bukan biasa, dan ia di luar kebiasaan melainkan mereka pemuzik yang biasa dengan genre *Jaz* atau *fusion*. Kebanyakan pemain bes terikat dengan tugas sebagai pengiring dan jarang terdedah dengan permainan improvisasi solo. Saya mempercayai mereka memerlukan penyelesaian mengurangkan kerisauan seperti yang telah saya nyatakan pada bahagian pendahuluan iaitu mengetahui perihai cara melakukan, sifat *Virtuoso*, pemantapan teknik dan aspek ekspresi (menjiwai/ emosi) dengan menyelami kunci untuk membina atmosfera yang kreatif adalah mempelajari kemahiran *Relaxed Concentration* (Bob, 2000).



Selain itu, persembahan improvisasi solo bes elektrik yang kurang efisien penyebab kelemahan sebuah persembahan kelihatan kurang natural dan tidak mantap. Saya mempercayai kekurangan fahaman mengenai persediaan mempersembahkan solo penyebab kepada kurang efisien. Perkembangkan tahap pengawalan dinamik dan memperkaya frasa serta muzikal (Josquin, D, P. 1997). Pemuzik perlu mencukupi perihal fahaman muzik yang ingin dimainkan, struktur dan maksud, serta mampu (Gabrielson, A. 1999). Penghasilan sebuah permainan yang efisien perlu menitikberatkan perihal kualiti persembahan, efektif, kapasiti dan kemampuan, tahap pengetahuan dan kemahiran, identiti dan motivasi (Elger,D. 2007).

1.3 Objektif Persembahan

- a) Mempersembahkan improvisasi solo menggunakan bes elektrik pada karya bertajuk "*Melodie in Eb*" ciptaan Tchaikovsky.
- b) Menghasilkan idea muzikal improvisasi solo bes elektrik dengan memberi penekanan terhadap aspek emosi muzikal melalui pendekatan artistik tertentu.

1.4 Persoalan Persembahan

- a) Bagaimana improvisasi solo menggunakan bes elektrik pada karya "*Melodie in Eb*" dipersembahkan?

- b) Bagaimanakah improvisasi solo bes elektrik akan menonjolkan aspek emosi muzikal tertentu dalam persembahan karya *Melodie in Eb* ini?

1.5 Justifikasi dan Batasan Persembahan Resital

1.5.1 Justifikasi Persembahan Resital

Justifikasi persembahan resital ini dijalankan bertujuan mempersembahkan tujuh repertoir iaitu tiga repertoir utama dan empat repertoir sampingan. Tiga repertoir utama adalah *Melodie in Eb* (Karya asal), *Improvisasi Melodie in Eb 1* dan *Improvisasi Melodie in Eb 2*. Manakala Repertoir sampingan adalah *Continuum*, *Giant steps*, *Actual Proof* dan *Havona*. Segala jangka masa bagi setiap repertoir telah ditetapkan dan ini boleh dirujuk pada jadual 5.1.

Sebab kenapa keperluan repertoir utama hanya tiga adalah kerana ia telah merangkumi fokus penampilan (Kesesuaian alat muzik dan Interpretasi), improvisasi secara solo melalui karya (Penjelasan idea muzikal improvisasi beremosi) dan improvisasi karya secara iringan (Penghayatan dan komunikasi bebas). Manakala empat repertoir sampingan adalah sokongan repertoir mencabar berentak jaz (Kesesuaian improvisasi) dan cabaran membuktikan proses penghasilan idea muzikal improvisasi solo melalui inspirasi karya "*Melodie in Eb*". Berikut merupakan pengenalan repertoir secara ringkas dan jangkaan aktiviti persediaan sebelum dipersembahkan di resital.



a) Repertoire 1 (*Melodie in Eb*)

Dalam persembahan Repertoire 1, saya bercadang untuk memainkan karya Tchaikovsky yang berjudul *Melodie in Eb* yang asal dengan menggunakan bes elektrik secara bersendirian (solo).

Untuk jangkaan proses persediaan ini, saya akan bahagikan kepada empat langkah iaitu mengalihkan semua not melodi karya *Melodie in Eb* dari klef notasi klef *treble* ke klef bes mengikut kesesuaian interpretasi dan *Range* bes elektrik yang saya gunakan, merangka gubahan tertentu untuk slot persembahan, menyediakan jadual khas untuk melatihnya, rakaman video dan audio menggunakan kamera, *Audio interface*⁴ dan *software*⁵ sebagai rujukan perkembangan.

b) Repertoire 2 (Improvisasi *Melodie in Eb* 1)

Dalam persembahan Repertoire 2, saya bercadang untuk melakukan improvisasi pertama secara bersendirian (solo) dan saya namakan sebagai Improvisasi *Melodie in Eb* 1.

Untuk jangkaan proses persediaan ini, saya akan bahagikan kepada empat langkah iaitu menyediakan teknik yang akan digunakan, merangka gubahan tertentu untuk slot persembahan ini menyediakan jadual khas untuk melatihnya, rakaman video dan audio menggunakan kamera, *interface* dan *software* sebagai rujukan perkembangan.

⁴*Audio Inteface* adalah alat penghubung ke komputer (bunyian). *Record at Home or Anyway Made Easy*, 2013.

⁵*Audio Software* merupakan alat yang digunakan untuk merakam bunyian dan menyunting bunyian di komputer. *Computer Hope.com*, 2013.



c) Repertoir 3 (Improvisasi *Melodie in Eb 2*)

Dalam persembahan Repertoir 3, saya bercadang untuk melakukan improvisasi solo komposisi *Melodie in Eb* menggunakan gitar bes elektrik dengan iringan alat muzik lain.

Karya ini akan dipersembahkan secara *Trio* dengan anggaran durasi persembahan adalah selama lima sehingga enam minit. Pemuzik pengiring yang terlibat Aaron Richard (Gitar) dan Nurshafiz Bin Ibrahim (Dram).

Untuk jangkaan proses persediaan ini, saya akan bahagikan kepada empat langkah iaitu mencari pemuzik yang bersesuaian dengan kriteria, merangka gubahan tertentu untuk slot persembahan ini menyediakan jadual khas untuk melatihnya, rakaman video dan audio menggunakan kamera, *interface* dan *software* sebagai rujukan perkembangan.

d) Repertoir Sampingan 1 (*Continuum*)

Melalui repertoir sampingan pertama, saya bercadang akan memainkan satu karya instrumental ciptaan Jaco Pastorius yang berjudul *Continuum*. Karya yang beriramakan Jaz *Fusion* ini telah diterbitkan pada tahun 1976 di New York City. Tanda nada bagi karya ini adalah dalam E major dengan tanda masa 4/4.

Karya ini akan dipersembahkan secara trio dengan anggaran durasi persembahan adalah selama lima sehingga enam minit. Pemuzik pengiring yang terlibat Aaron Richard (Gitar) dan Mohd Nurshafiz Bin Ibrahim (Dram).

Untuk jangkaan proses persediaan ini, saya akan bahagikan kepada empat langkah iaitu mencari pemuzik yang bersesuaian dengan kriteria, merangka gubahan



tertentu untuk slot persembahan ini menyediakan jadual khas untuk melatihnya, rakaman video dan audio menggunakan kamera, *interface* dan *software* sebagai rujukan perkembangan.

e) Repertoire Sampingan 2 (*Giant Steps*)

Melalui repertoire sampingan kedua, saya bercadang akan memainkan satu karya instrumental ciptaan John Coltrane yang berjudul *Giant Steps*. Karya yang beriramakan klasik Jaz ini telah diterbitkan pada Februari tahun 1960 di Atlantic Studio, New York. Tanda nada bagi karya ini adalah dalam B major dengan tanda masa 4/4.

Karya ini akan dipersembahkan secara *duo* dengan anggaran durasi persembahan adalah selama lima sehingga enam minit. Pemuzik pengiring yang terlibat Mohd Nurshafiz Bin Ibrahim (Dram).

Untuk jangkaan proses persediaan ini, saya akan bahagikan kepada empat langkah iaitu mencari pemuzik yang bersesuaian dengan kriteria, merangka gubahan tertentu untuk slot persembahan ini menyediakan jadual khas untuk melatihnya, rakaman video dan audio menggunakan kamera, *interface* dan *software* sebagai rujukan perkembangan.

f) Repertoire Sampingan 3 (*Actual Proof*)

Melalui repertoire sampingan ketiga, saya bercadang akan memainkan satu karya instrumental ciptaan Herbie Hancock yang berjudul *Actual Proof*. Karya yang beriramakan Jaz *Fusion* ini telah diterbitkan pada tahun 1974 di San Francisco. Tanda nada bagi karya ini adalah dalam C minor dengan tanda masa 4/4.



Karya ini akan dipersembahkan secara trio dengan anggaran durasi persembahan adalah selama lima sehingga enam minit. Pemuzik pengiring yang terlibat Aaron Richard (Gitar) dan Mohd Nurshafiz Bin Ibrahim (Dram).

Untuk jangkaan proses persediaan ini, saya akan bahagikan kepada empat langkah iaitu mencari pemuzik yang bersesuaian dengan kriteria, merangka gubahan tertentu untuk slot persembahan ini menyediakan jadual khas untuk melatihnya, rakaman video dan audio menggunakan kamera, *interface* dan *software* sebagai rujukan perkembangan.

g) Repertoire Sampingan 4 (*Havona*)

Melalui repertoire sampingan keempat, saya bercadang akan memainkan satu karya instrumental ciptaan Joe Zawinul yang berjudul *Havona*. Karya yang beriramakan Jaz *Fusion* ini telah diterbitkan pada tahun 1977 di Devonshire Studio, Carlifornia. Tanda nada bagi karya ini adalah dalam E major dengan tanda masa 4/4.

Karya ini akan dipersembahkan secara trio dengan anggaran durasi persembahan adalah selama lima sehingga enam minit. Pemuzik pengiring yang terlibat Aaron Richard (Gitar) dan Mohd Nurshafiz Bin Ibrahim (Dram).

Untuk jangkaan proses persediaan ini, saya akan bahagikan kepada empat langkah iaitu mencari pemuzik yang bersesuaian dengan kriteria, merangka gubahan tertentu untuk slot persembahan ini menyediakan jadual khas untuk melatihnya, rakaman video dan audio menggunakan kamera, *interface* dan *software* sebagai rujukan perkembangan.



1.6 Batasan Persembahan

Namun dalam usaha merealisasikan persembahan ini, terdapat batasan persembahan yang dijangkakan mungkin menjadi sempadan atau limitasi. Antaranya ialah persembahan hanya mengkhususkan alat muzik bes elektrik untuk melakukan improvisasi solo karya ini, mengehendkan penglibatan alat muzik yang mengiringi sepertinya hanya 2 alat sahaja untuk repertoir 3, pengaruh *Range* dan kualiti ton bunyi bes elektrik memainkan notasi asli *Melodie in Eb*, penyesuaian teknik dan artikulasi dari alat muzik asal iaitu violin kepada bes elektrik. Selain itu, mengehendkan repertoir utama iaitu hanya sebanyak 3 dan repertoir sampingan hanya 4 (Repertoir berentak Jaz). Selain itu, batasan dalam penulisan adalah kekurangan bahan bacaan serta rujukan seperti buku, artikel, disertasi dan jurnal yang berkaitan dengan perihal improvisasi dan emosi muzikal khususnya 5 tahun yang



1.7 Signifikan Persembahan Program Resital

Signifikan persembahan program resital memberi satu cara mempersembahkan persembahan improvisasi solo menggunakan bes elektrik melalui komposisi melodi komposer tersohor. Komposer tersohor iaitu Tchaikovsky merupakan seorang komposer zaman romantik yang telah banyak menghasilkan komposisi agung dan salah satunya *Melodie in Eb*. Oleh sebab karya berjudul *Melodie in Eb* ini hanya dimainkan oleh alat muzik klasik iaitu violin dan tidak pernah dipersembahkan secara improvisasi solo, sebuah resital yang menampilkan satu cara mempersembahkan persembahan improvisasi solo menggunakan alat muzik moden iaitu bes elektrik



melalui komposisi melodi komposer tersohor iaitu Tchaikovsky dengan karya yang berjudul *Melodie in Eb* akan dipersembahkan.

Selain itu, memastikan persembahan improvisasi solo menggunakan bes elektrik pada karya ciptaan Tchaikovsky yang berjudul "*Melodie in Eb*" memberi idea muzikal dengan aspek emosi dalam persembahan. Dalam memastikan persembahan ini berhasil, dua proses kajian iaitu kritikal dan intuitif akan dijalankan. Proses kritikal proses yang menjurus kepada analisis dan pemerhatian. Manakala proses intuitif proses yang menjurus kepada gerak hati pengkaji dengan sokongan bukti yang relevan seperti cara persembahan, proses penghasilan dan rangkuman persembahan. Dengan adanya proses ini, persembahan improvisasi solo menggunakan bes elektrik pada karya ciptaan Tchaikovsky yang berjudul "*Melodie in Eb*" memberi idea muzikal dengan aspek emosi dalam persembahan akan dapat dipersembahkan.

Selain itu, pencetusan emosi pemain bes melalui idea muzikal improvisasi solo bes pada repertoire sampingan yang mencabar. Empat repertoire sampingan sebagai sokongan repertoire mencabar berentak jaz (Kesesuaian improvisasi) dan cabaran membuktikan proses penghasilan idea muzikal improvisasi solo melalui inspirasi karya "*Melodie in Eb*".

Selain itu, meningkatkan tahap pencetusan emosi pemain bes, idea muzikal improvisasi solo bes, psikomotor persembahan. Imajinasi idea persembahan yang digunakan pendekatan psikomotor iaitu fokus ke arah proses pemantapan kemahiran mempersembahkan improvisasi bes elektrik, idea muzikal dan aspek emosi. Proses penghasilan persembahan ini adalah terhasil daripada latihan yang telah diamalkan selalu. Faktor latihan merupakan kepentingan dalam proses kreatif artistik intuitif

persembahan ini. Melalui latihan yang telah dijalankan, beberapa elemen yang difokuskan bertujuan menghasilkan persembahan resital iaitu 1) idea imaginasi, 2) teknik pengolahan, 3) teknik permainan, 4) dinamik dan ekspresi serta 5) emosi muzikal. Oleh itu, latihan yang rutin dengan memfokuskan lima perihal tersebut akan menjadi satu pemupuk kepada peningkatan tahap pencetusan emosi pemain bes, idea muzikal improvisasi solo bes, psikomotor persembahan.